

menggunakan air mudah  
didapati di pesiaran

atau

Rendam alat-alat berke-  
naan di dalam cecair pem-  
burnuh kuman seperti Chlo-  
rhexidine dan lain-lain meng-  
ikuti petunjuk-peraturan  
bagi setiap jenama cecair  
pembunuh kuman terse-  
but. Selepas itu, alat-alat  
tersebut boleh digunakan  
semula.

## **M**AKLUMAT AM

- ii) Luka pada tangan anda  
atau luka pada tangan anda  
dengan pembalut luka yang kalis  
air seperti elastoplast dan lain-lain  
sebelum anda mula bekerja. Jika  
anda terluka semasa bekerja,  
biarkan darah mengalir di bawah  
air paip dan balut luka dengan  
pembalut kalis air setelah penda-  
rahan berhenti.

Jika kulit pelanggan anda terluka,  
kisar darah dengan kain kasa  
yang bersih dan buang ke dalam  
tong sampah. Elakkan diri anda  
dari tersentuh dengan darah atau  
kain kasa yang dikisar darah tadi.

Pastikan peralatan seperti gunting,  
pisau cukur dan lain-lain yang  
tercemar oleh darah anda/pelanggan  
anda disucihama terlebih  
dahulu sebelum digunakan se-  
mula.

- iii) Kulit berpenyakit (berkulit)  
Jangan menggunakan alat-alat ta-  
jam seperti pisau cukur atau  
menggosok terlalu kuat semasa  
mencuci rambut pada bahagian

kulit yang nyata berpenyakit ke-  
rana terpa mudah berdarah.

- ii) Pembuangan alat-alat tajam  
Alat-alat yang tajam seperti pisau  
cukur, gunting dan lain-lain hend-  
kalah diletakkan atau dibuang  
pada tempat yang selamat su-  
paya tidak mencederakan pe-  
langgan anda.

- iii) Amalan-amalan yang berbeza  
Anda hendaklah sentiasa mem-  
basuh tangan anda dengan air  
dan sabun selepas selesai men-  
cuci/menggunting rambut pelan-  
gan anda.

Sentiasa bersihkan persekitaran  
kedai anda. Lantai hendaklah se-  
lalu dibersihkan daripada rambut dan  
dimop dengan cecair antiseptik  
seperti Cresol, Chloroxyfenol atau  
chlorhexidine sekurang-kurangnya  
sekali sehari semasa hendak  
putang.

## **M**AKLUMAT LANJUT

Jika anda perlukan nasihat seban-  
gunya, sila hubungi Pejabat Kesihatan  
Daerah atau Pusat-pusat Kesihatan  
yang berhampiran dengan tempat  
anda.

# AIDS



GARIS PANDUAN UNTUK  
PENDANDAN DAN  
TUKANG GUNTING RAMBUT

KEJAHILAN PUNCA MAUT

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

"Kami mempromosikan Kesihatan anda"



## AIDS - BAGAIMANA IA BERJANGKIT

AIDS adalah penyakit yang disebabkan oleh virus HIV di mana ia memusnahkan daya ketahanan badan seseorang untuk melawan jangkitan penyakit lain.

AIDS boleh berjangkit melalui tiga cara sahaja:


- i) melakukan perhubungan seks dengan orang yang telah dijangkiti oleh virus HIV,
- ii) pemindahan darah yang mengandungi HIV daripada pesakit atau pembawa AIDS kepada seseorang lain,
- iii) daripada ibu yang telah dijangkiti virus HIV kepada anak yang di dalam kandungannya.

## RISIKO AIDS DAN KAITANNYA DENGAN PEKERJAAN ANDA

Risiko jangkitan AIDS di dalam pekerjaan anda adalah tipis. Sehingga ini, tiada seorangpun pernah diketahui mendapat jangkitan virus HIV daripada pendedahan atau bergunting rambut.

Begaimanapun, pekerjaan anda mungkin melibatkan pemindahan darah daripada seseorang kepada seseorang yang lain dengan cara yang tidak disengajakan.

Oleh itu, untuk kepentingan anda dan pelanggan anda, peraturan yang selalunya perlulah diikuti untuk memastikan supaya jangkitan penyakit termasuk AIDS tidak berlaku di dalam pekerjaan anda.



## PERATURAN PERATURAN YANG PERLU DIKUTI

- i) Peralatan Pakai-Buang  
Jika boleh, utamakan penggu-

naan alat-alat yang dipakai sekali sahaja seperti pisau cukur pakai-buang (tilisposabit).

Jika menggunakan pisau cukur lipet, mata pisau cukur yang digunakan mestilah dibersihkan daripada kuman sebelum digunakan kepada setiap pelanggan.

### ii) Pembersihan Kuman

Semua alat-alat yang digunakan untuk tujuan pendedahan dan bergunting rambut hendaklah dibersihkan dari kekotoran dan tidak sahaja.

Alat-alat seperti gunting ketam rambut, sikat, penyepit rambut hendaklah ducuti dengan air dan sabun sekurang-kurangnya sekali dalam sehari.

Semua alat-alat yang tajam seperti mata pisau cukur dan juga alat-alat lain yang tercemar oleh darah pelanggan hendaklah disucihama setiap kali sebelum digunakan kepada pelanggan.

Cara mensucihama adalah seperti berikut:

#### a) Autoklaf

Ini adalah cara yang paling baik kerana kanya amat berkesan membunuh semua jenis kuman serta mudah dan selalunya digunakan.

#### b) Cara lain

Jika anda tidak dapat memiliki autoklaf seperti yang dicadangkan, maka salah satu cara berikut bolehlah diikuti.

- \* Rebus atau wapkan alat-alat tersebut di dalam air yang mendidih selama 10 - 20 minit sebelum digunakan semula. Sterilizer yang